

# Futsal: 24 pasukan berentap

MSNT, Unisza bergabung cungkil bakat atlet Sukma

■ ZUBIR SULAIMAN

**KUALA TERENGGANU** - Sebanyak 24 pasukan berentap bagi merentap gelaran juara Liga Futsal Bawah 20 tahun Terbuka Negeri Terengganu yang mula membuka tirainya di Gelanggang Futsal Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Kampus Gong Badak dekat sini, kelmarin.

Kejohanan anjuran Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT) yang berlangsung setiap hujung minggu sehingga hujung bulan ini merupakan pertandingan yang julung kalinya diajukan melibatkan kerjasama Unisza selaku penganjur bersama.

Selain pasukan daerah, tiga IPT turut menghantar wakil melibatkan pasukan tuan rumah (Unisza), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Kolej Universiti Bestari (UCB) dalam memberi saingan merentap hadiah keseluruhan berjumlah hampir RM15,000.

Naib Canselor Unisza, Dr Yahya Ibrahim mengakui amat berbesar hati kerana Unisza dipilih untuk menjadi tuan rumah dalam pencarian bakat sukan futsal bagi menyarung jersi negeri Terengganu pada temasya Sukma yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur tahun depan.



Dr Yahya (berdiri, tengah) merakam kenangan bersama sebahagian daripada 24 pasukan yang bertanding selepas merasmikan Kejohanan Liga Futsal Terbuka Negeri Terengganu 2014 di Gelanggang Futsal Unisza, kelmarin.

Menurutnya, kerjasama dua hala melibatkan IPT sebegini dilihat mampu melonjakkan lagi sukan futsal di negeri ini ke tahap yang lebih tinggi lagi.

"Malah pemilihan Unisza selaku venue kejohanan juga mampu menyuntik semangat peserta agar tidak hanya menjurus kepada kecemerlangan dalam bidang sukan, tetapi dalam pendidikan.

"Saya yakin dengan penganjuran kejohanan kali ini, usaha Terengganu untuk merangkul kembali kejuaraan Sukma sebelum ini dapat direalisasikan bukan sahaja dalam sukan futsal, malah sukan yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Liga Futsal Bawah 20 tahun, Terbuka Negeri Terengganu 2014, di Gelanggang Futsal Unisza, dekat sini, kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Dr Nik Wan Omar; Pengarah MSNT, Ab Rasid Jusoh dan Timbalannya, Ibni Amin Busu.

Dalam pada itu, Dr Yahya mengharapkan jalinan kerjasama itu dapat terus dikekalkan pada masa-masa akan datang sekali gus membawa hasil yang diinginkan serta memberi kebaikan kepada dua-dua pihak.

Katanya, Unisza akan sentiasa menyokong penuh usaha yang dilakukan kerajaan negeri dalam menyerlahkan kecemerlangan sukan di negeri ini, bukan sahaja dalam sukan futsal malah sukan lain yang dilihat mampu menjadi kuasa baharu sukan negara.

Pada kejohanan yang bakal melabuhkan tirainya 31 Oktober nanti, juara kejohanan bakal membawa pulang tunai RM7,000, kedua RM3,500, ketiga RM2,000 dan keempat RM1,000, manakala tempat kelima hingga kelapan turut menerima hadiah sagu hati berjumlah RM300 setiap pasukan.